

20/05/1997

Anwar mula tugas Pemangku PM

Misiah Taib

KOTA SAMARAHAN, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memulakan tugas sebagai Pemangku Perdana Menteri dengan melancarkan satu skim perumahan rakyat secara besar-besaran, salah satu agenda sosial yang sentiasa mendapat perhatian utama pemimpin berkenaan.

Sehubungan itu, beliau melahirkan perasaan terharunya kerana diberi penghormatan melancarkan projek perumahan rakyat sebagai acara pertama sebaik memangku jawatan Perdana Menteri.

"Walaupun secara kebetulan, saya amat berterima kasih pelancaran projek ini menjadi acara pertama saya setelah diberi amanah dan kepercayaan oleh Perdana Menteri untuk membantunya semasa ketiadaan beliau di dalam negeri.

"Saya bukan saja berkunjung ke Sarawak, malah melancarkan projek perumahan rakyat besar-besaran di negeri ini.

"Inilah yang dikatakan orang ... kalau sudah ada niat, bertemu hati, maka Datuk Taib (Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud) macam tahu saja projek seperti ini penting bagi saya dan saya pun senang sekali untuk melancar projek hari ini," katanya ketika berucap melancarkan projek berkenaan.

Hadir sama pada majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Taib dan isteri, Puan Sri Laila Taib serta menteri Kabinet dan pembesar negeri.

Anwar juga gembira kerana projek perumahan itu dibangunkan di sebuah kawasan cantik yang mempunyai sungai dan gunung-ganang.

"Apabila saya melihat pelan projek ini, saya lihat ada rumah, ada sungai dan gunung nampak dari jauh. Kalau saya pandai menyanyi ... kalahlah James Wong (Menteri Perumahan Sarawak) untuk menggambarkan gunung, sungai dan orang Sarawak yang cantik ini.

"Saya sendiri berminat dengan sukan air, bila saya nampak ada sungai, ada rumah dan ada gunung. Sebab itulah setiap kali saya datang ke Sarawak, isteri saya ikut serta ... untuk jamin keselamatan jangka panjang," katanya sambil berseloroh.

Pemangku Perdana Menteri berkata, projek itu juga menunjukkan kesungguhan serta keprihatinan kerajaan negeri dan Pusat memanfaatkan pertumbuhan ekonomi, keamanan dan kekuatan Barisan Nasional (BN) untuk meneruskan agenda pembangunan serta membela nasib rakyat.

"Kita sudah katakan berulang kali bahawa politik yang stabil penting untuk pemimpin memusatkan perhatian bagi membangunkan ekonomi. Ekonomi yang berkembang dengan rancak amat perlu sebelum kita boleh meneruskan agenda membela nasib rakyat," katanya.

(END)